

**PERKAITAN ANTARA KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN
DENGAN KÉCEKAPAN PENGGUNAAN
TATABAHASA BAHASA MALAYSIA
DI KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT**

oleh

MOHD NASRUDIN BIN BASAR

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Sarjana Pendidikan**

Jun 1997

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kepada Allah s.w.t kerana rahmat dan kesempatan yang diberikan untuk menyempurnakan kajian ini. Saya merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya Profesor Madya Dr. Shukery Mohamed yang sentiasa memberi bimbingan, tunjuk ajar, dorongan dan teguran yang membina daripada awal kajian ini dirancang sehingga siapnya penulisan ini.

Ucapan terima kasih juga saya rakamkan kepada Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Pejabat Pendidikan Daerah Muar, Johor Darul Takzim kerana memberi kebenaran kepada saya untuk melaksanakan penyelidikan ini.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Pengetua, Guru Kanan Bahasa, guru-guru dan para pelajar sekolah yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya sehingga kajian ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Penghargaan khas dirakamkan kepada isteri, Siti Halimah Hj. Md Yassin yang sentiasa mendorong dan menguatkan azam serta mendoakan kejayaan menyiapkan penulisan ini. Anak-anak yang saya kasihi, Naseha Nabilah, Nazratul Nazariah, Faqru Fithri dan Fatin Ameera yang menjadi sumber inspirasi dan yang mengharapkan kejayaan ini untuk mereka. Istimewa kepada bonda Aminah Ridzo yang sentiasa mendoakan kejayaan dan kepada Almarhum ayahanda yang telah membekalkan keyakinan dan kecekalan untuk saya mencapai cita-cita.

Seterusnya saya amat terhutang budi dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Mohd Daud Hamzah, Dr. Ishak Ramli, para pensyarah di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, rakan-rakan dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang telah memberikan bantuan yang sangat berharga untuk saya menyempurnakan penulisan ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala usaha, jasa dan budi baik yang telah saya terima. Terima kasih.

Penghargaan	ii
Kandungan	iii
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	xi
Singkatan	xii
Abstrak	xiii
Abstract	xv

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	10
1.3 Pernyataan Masalah	19
1.4 Matlamat Dan Tujuan Kajian	23
1.5 Persoalan Kajian	24
1.6 Kepentingan Kajian	25
1.7 Kerangka Model	27
1.8 Batasan Kajian	32
1.9 Definisi Operasional	33

BAB 11 TINJAUAN BACAAN

2.1 Pendahuluan	38
2.2 Pembelajaran Bahasa	39
2.2.1 Pemerolehan Dan Pembelajaran Bahasa	39
2.2.2 Kecekapan Penggunaan Tatabahasa Dalam KMK	44

2.3 Konsep Perkataan Dan Ayat	54
2.4 Kecekapan Penggunaan Tatabahasa Dalam Teoritis Dan Model Kemahiran Menulis Karangan	65
2.4.1 Teori Dalam Kemahiran Menulis Karangan	65
2.4.2 Model-Model Kemahiran Menulis Karangan	71
2.4.3 Kaitan Kemahiran Menulis Karangan Dengan Pencapaian	82
2.5 Perkaitan Antara Penggunaan Tatabahasa Dengan Kemahiran Menulis Karangan	89
2.5.1 Kepentingan Penggunaan Tatabahasa Dalam Kemahiran Menulis Karangan	89
2.5.2 Kajian-Kajian Yang Berkaitan Dengan Penggunaan Tatabahasa Dalam Penulisan Karangan	104
2.6 Kajian Pendekatan Pengajaran Karangan	129
2.7 Kesalahan Penggunaan Tatabahasa Dalam Karangan	140
2.8 Penggunaan Tatabahasa Sebagai Faktor Kedua Dalam Karangan	145
2.9 Kajian-Kajian Yang Berkaitan Dengan Kecekapan Penggunaan Tatabahasa Dalam KMK Di Malaysia	149

BAB 111 METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Pendahuluan	157
3.2 Kawasan Kajian	157
3.3 Populasi	158
3.4 Sampel Kajian	159
3.5 Reka Bentuk Penyelidikan	162
3.6 Pemboleh Ubah	165
3.7 Alat Ukur Penyelidikan	166

3.7.1 Ujian Kemahiran Menulis Karangan	166
3.7.2 Ujian Tatabahasa	172
3.8 Penganalisaan Data	175
3.8.1 Ujian t	175
3.8.2 Korelasi	177
3.9 Penyemakan Isi Kandungan Alat Ukur	178
3.10. Pemeriksaan Alat Ukur	178
3.11. Prosedur Penyelidikan	178
3.11.1 Kajian Rintis	178
3.11.2 Pengendalian Kajian	179

BAB 1V KEPUTUSAN PENYELIDIKAN

4.1 Pendahuluan	180
4.2 Kecekapan Penggunaan Tatabahasa Dalam KMK	181
4.3 Jenis-Jenis Kesalahan Tatabahasa Dan Kekerapannya Dalam KMK	183
4.3.1 Kekerapan Kesalahan Perkataan Dalam KMK	183
4.3.2 Kekerapan Kesalahan Ayat Dalam KMK	189
4.3.3 Kekerapan Kesalahan Tatabahasa Dalam KMK	194
4.4 Kategori Pencapaian Dengan Kekerapan Kesalahan Tatabahasa Dalam KMK	195
4.5 Pencapaian Karangan Keseluruhan Dalam KMK	198
4.6 Pertalian Antara Kecekapan Penggunaan Tatabahasa Dalam KMK Dengan Kecekapan Penggunaan Tatabahasa Dalam UT	199

4.7	Pertalian Antara Kecepatan Kesalahan Tatabahasa Dalam KMK Dengan Kecepatan Kesalahan Tatabahasa Dalam UT	201
4.8	Pertalian Antara Kecepatan Penggunaan Tatabahasa Dengan Pencapaian Karangan Dan Pencapaian Karangan Keseluruhan	203

BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	205
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	206
5.2.1	Kecepatan Penggunaan Tatabahasa Dalam KMK	206
5.2.2	Jenis-Jenis Kesalahan Tatabahasa Dan Kecepatannya Dalam KMK	207
5.2.3	Kategori Pencapaian Dengan Kecepatan Penggunaan Tatabahasa	209
5.2.4	Pencapaian Karangan Keseluruhan	209
5.2.5	Pertalian Antara Kecepatan Penggunaan Tatabahasa Dalam KMK Dengan Kecepatan Penggunaan Tatabahasa Dalam UT	210
5.2.6	Pertalian Antara Kecepatan Kesalahan Tatabahasa Dalam KMK Dengan Kecepatan Kesalahan Tatabahasa Dalam UT	210
5.2.7	Pertalian Antara Kecepatan Penggunaan Tatabahasa Dengan Pencapaian Karangan Dan Pencapaian Karangan Keseluruhan Dalam KMK	211
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	212
5.3.1	Kecepatan Penggunaan Tatabahasa Dalam KMK	213
5.3.2	Jenis-Jenis Kesalahan Tatabahasa Dan Kecepatannya Dalam KMK	215
5.3.2.1	Kecepatan Kesalahan Perkataan Dan Jenisnya	215

5.3.2.2	Kekerapan Kesalahan Ayat Dan Jenis-Jenisnya	235
5.3.2.3	Kekerapan Kesalahan Tatabahasa Dalam KMK	247
5.3.3	Pencapaian Karangan Keseluruhan	250
5.3.4	Pertalian Antara Kecekapan Penggunaan Tatabahasa Dalam KMK Dengan UT	252
5.3.4.1	Kecekapan Penggunaan Tatabahasa Dalam KMK Dengan Kecekapan Penggunaan Tatabahasa Dalam UT	253
5.3.4.2	Kekerapan Kesalahan Tatabahasa Dalam KMK Dengan Kekerapan Kesalahan Tatabahasa Dalam UT	254
5.3.5	Kecekapan Penggunaan Tatabahasa Dengan Pencapaian Karangan Dan Pencapaian Karangan Keseluruhan	256
5.4	Kesimpulan	258
5.5	Implikasi Kajian Yang Dijalankan	261
5.6	Cadangan	263
5.6.1	Cadangan Meningkatkan Kecekapan Penggunaan Tatabahasa Dalam KMK	263
5.6.2	Cadangan Kajian Lanjutan	265
	BIBLIOGRAFI	267
	LAMPIRAN	
A	Ujian Karangan A	283
B	Ujian Karangan B	284
C	Ujian Karangan C	285
D	Skema Pemarkahan Karangan Secara Global	286
E	Ujian Tatabahasa	290

F	Skema Pemarkahan Ujian Tatabahasa	305
G	Gambarajah Serakan Korelasi TBK Dengan UTB Bagi KPT	309
H	Gambarajah Serakan Korelasi TBK Dengan UTB Bagi KPR	310
I	Gambarajah Serakan Korelasi KTB Dengan KTT Bagi KPT	311
J	Gambarajah Serakan Korelasi KTB Dengan KTT Bagi KPR	312
K	Gambarajah Serakan Korelasi JPK Dengan JPT Bagi KPT	313
L	Gambarajah Serakan Korelasi JPK Dengan JPT Bagi KPR	314
M	Gambarajah Serakan Korelasi JAK Dengan JAT Bagi KPT	315
N	Gambarajah Serakan Korelasi JAK Dengan JAT Bagi KPR	316
O	Gambarajah Serakan Korelasi TBK Dengan K Bagi KPT	317
P	Gambarajah Serakan Korelasi TBK Dengan K Bagi KPR	318
Q	Gambarajah Serakan Korelasi TBK Dengan KK Bagi KPT	319
R	Gambarajah Serakan Korelasi TBK Dengan KK Bagi KPR	320

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1.1 Analisa Keputusan Peperiksaan Mata Pelajaran Bahasa Malaysia Daerah Muar	21
2.3 Pola Ayat Dasar Bahasa Malaysia	62
3.1 Bilangan Populasi Mengikut Sekolah Yang Dikaji	158
3.2 Bilangan Sampel Mengikut kumpulan Kategori Pencapaian Mengikut Sekolah	161
3.3 Reka Bentuk Perbandingan Kecekapan Penggunaan Tatabahasa Antara KPT Dengan KPR	164
3.4 Reka Bentuk Perbandingan Kekerapan Kesalahan Tatabahasa Antara KPT Dengan KPR	164
3.5 Reka Bentuk Perbandingan Pencapaian Karangan Antara KPT Dengan KPR	164
4.1 Skor Min Kecekapan Penggunaan Tatabahasa Keseluruhan Dalam KMK Menurut Kumpulan Sampel	182
4.2 Jumlah Kekerapan Kesalahan Perkataan Dan Jenis-Jenisnya Bagi UKA Menurut Kumpulan Sampel	184
4.3 Jumlah Kekerapan Kesalahan Perkataan Dan Jenis-Jenisnya Bagi UKB Menurut Kumpulan Sampel	185
4.4 Jumlah Kekerapan Kesalahan Perkataan Dan Jenis-jenisnya Bagi UKC Menurut Kumpulan Sampel	186
4.5 Jumlah Kekerapan Kesalahan Perkataan Dipuratakan Daripada UKA,UKB Dan UKC Menurut Kumpulan Sampel	187
4.6 Kedudukan Kekerapan Kesalahan Perkataan Dan Jenis-Jenisnya Yang Dipuratakan Daripada	

	Data UKA,UKB Dan UKC Menurut Kumpulan Sampel	188
4.7	Jumlah Kecepatan Kesalahan Ayat Dan Jenis-Jenisnya Bagi UKA Menurut Kumpulan Sampel	189
4.8	Jumlah Kecepatan Kesalahan Ayat Dan Jenis-Jenisnya Bagi UKB Menurut Kumpulan Sampel	190
4.9	Jumlah Kecepatan Kesalahan Ayat Dan Jenis-Jenisnya Bagi UKC Menurut Kumpulan Sampel	191
4.10	Jumlah Kecepatan Kesalahan Ayat Dan Jenis-Jenisnya Yang Dipuratakan Daripada UKA,UKB Dan UKC Menurut Kumpulan Sampel	192
4.11	Kedudukan Kecepatan Kesalahan Ayat Dan Jenis-Jenisnya Yang Dipuratakan Daripada UKA,UKB Dan UKC Menurut Kumpulan Sampel	193
4.12	Jumlah Kecepatan Kesalahan Tatabahasa Yang Dipuratakan Daripada UKA,UKB Dan UKC Menurut Kumpulan Sampel	194
4.13	Skor Min Kecepatan Kesalahan Perkataan Dalam KMK Menurut Kumpulan Sampel	196
4.14	Skor Min Kecepatan Kesalahan Ayat Dalam KMK Menurut Kumpulan Sampel	196
4.15	Skor Min Kecepatan Kesalahan Tatabahasa Dalam KMK Menurut Kumpulan Sampel	197
4.16	Skor Min Pencapaian Karangan Keseluruhan Bagi KMK Menurut Kumpulan Sampel	198
4.17	Korelasi Antara ATB,BTB Dan CTB Dengan UTB Bagi Kumpulan KPT	200
4.18	Korelasi Antara ATB,BTB Dan CTB Dengan UTB Bagi Kumpulan KPR	200
4.19	Korelasi Antara JPK Dengan JPT Dan Antara JAK Dengan JAT Bagi Kumpulan KPT Dan KPR	202

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
2.1 Pelbagai Hubungan Daripada Konsep Peraturan Bahasa Dalam Pembelajaran Bahasa	51
2.2 Tata Tingkat Kata Dan Ayat Bahasa Malaysia	55
2.3 Model Pendekatan	68
2.4 Komunikasi Tiga Segi Kinneavy's	71
2.5 Model Britton	74
2.6 Model Flower Dan Hayes	76
2.7 Model Interaksi Peringkat Selari Dalam Penghasilan Teks	79
2.8 Perhubungan Antara Faktor-Faktor Dengan Pencapaian	82
2.9 Model Umum Fungsi Penghasilan	86
2.10 Model Hipotetikal Penjelasan Pencapaian Dalam Penulisan Karangan	87
2.11 Penghasilan Sebuah Bahan Penulisan	94
2.12 Peraturan Umum Dan Kepentingannya Dalam Proses Penulisan	117

SINGKATAN

ATB	Kecekapan Penggunaan Tatabahasa Dalam UKA
BTB	Kecekapan Penggunaan Tatabahasa Dalam UKB
CTB	Kecekapan Penggunaan Tatabahasa Dalam UKC
JAK	Kekerapan Kesalahan Ayat Dalam KMK
JPK	Kekerapan Kesalahan Perkataan Dalam KMK
JAT	Kekerapan Kesalahan Ayat Dalam UT
JPT	Kekerapan Kesalahan Perkataan Dalam UT
K	Pencapaian Karangan
KK	Pencapaian Karangan Keseluruhan
KMK	Kemahiran Menulis Karangan
KPT	Kategori Pencapaian Tinggi
KPR	Kategori Pencapaian Rendah
KTT	Kekerapan Kesalahan Tatabahasa Dalam KMK
KTB	Kekerapan Kesalahan Tatabahasa Dalam UT
KKTBYTB	Kekerapan Kesalahan Tatabahasa Yang Telah Dipuratakan
TBK	Kecekapan Penggunaan Tatabahasa Dalam KMK
UTB	Kecekapan Penggunaan Tatabahasa Dalam UT
UT	Ujian Tatabahasa
UKA	Ujian Karangan A
UKB	Ujian Karangan B
UKC	Ujian Karangan C

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau kecekapan penggunaan tatabahasa bahasa Malaysia dengan tumpuan kepada perkataan dan ayat dalam kemahiran menulis karangan dan mengenal pasti masalah penggunaan tatabahasa yang kerap dialami oleh pelajar penutur natif bahasa Melayu. Pertalian antara kecekapan penggunaan tatabahasa dan kekerapan kesalahan tatabahasa antara kemahiran menulis karangan dengan ujian tatabahasa turut ditinjau. Di samping itu pertalian antara kecekapan penggunaan tatabahasa dengan pencapaian karangan dan pencapaian karangan keseluruhan juga dikaji.

Kajian ini melibatkan 450 sampel karangan bahasa Malaysia dan 150 naskah ujian tatabahasa yang dihasilkan oleh 150 sampel pelajar penutur natif bahasa Melayu tingkatan 4 dari lima buah sekolah menengah di daerah Muar, Johor Darul Takzim. Setiap sampel diminta menulis sebuah karangan daripada setiap ujian; ujian karangan A, ujian karangan B dan ujian karangan C. Sampel juga diminta menjawab ujian tatabahasa yang seterusnya dipadankan dengan senarai sampel. Karangan yang dipilih telah dianalisis dari segi kecekapan penggunaan tatabahasa, kekerapan kesalahan tatabahasa mengikut 9 jenis kesalahan perkataan dan 9 jenis kesalahan ayat dan dinilai berdasarkan pemarkahan secara perincian dan global. Kajian ini dilaksanakan di kalangan pelajar kumpulan kategori pencapaian tinggi dan kategori pencapaian rendah.

Data-data daripada kajian ini dianalisis dengan menggunakan pakaj statistiks sains sosial (SPSS PC+) bagi melakukan ujian t. Data bagi kajian korelasi dianalisis menggunakan kaedah keofisien korelasi hasil momen pearson.

Dapatan kajian menunjukkan kecekapan penggunaan tatabahasa dalam kemahiran menulis karangan berada pada tahap sederhana. Analisis kesalahan perkataan menunjukkan bahawa kekerapan kesalahan imbuhan (P1) didapati paling tinggi, manakala analisis kesalahan ayat menunjukkan bahawa kekerapan kesalahan susunan ayat (A2) adalah paling tinggi. Kumpulan kategori pencapaian rendah lebih kerap melakukan kesalahan tatabahasa berbanding kumpulan kategori pencapaian tinggi.

Dapatan kajian juga menunjukkan pencapaian karangan keseluruhan berada di peringkat yang sederhana, iaitu kumpulan sampel kategori pencapaian rendah berada pada peringkat 'boleh diterima' dan bagi kumpulan kategori pencapaian tinggi berada pada peringkat 'sedang'. Terdapat pertalian yang signifikan dan positif antara kecekapan penggunaan tatabahasa dengan pencapaian karangan keseluruhan. Analisis korelasi juga menunjukkan terdapat korelasi yang signifikan bagi kekerapan kesalahan tatabahasa dalam kemahiran menulis karangan dengan ujian tatabahasa bagi kumpulan kategori pencapaian rendah.

Himpunan data yang diperolehi dalam kajian ini dapat memberi kenyataan bahawa pelajar-pelajar Melayu masih menghadapi kesulitan untuk menguasai bahasa Malaysia dalam medium tulisan. Kelemahan penggunaan tatabahasa turut mempengaruhi pencapaian karangan keseluruhan. Kelemahan penggunaan tatabahasa di kalangan pelajar yang telah dikenal pasti dapat membantu guru merangka semula strategi pengajaran bahasa Malaysia dan seterusnya mengatasi kelemahan penggunaan tatabahasa dalam kemahiran menulis karangan.

THE RELATIONSHIP BETWEEN THE ABILITY TO WRITE ESSAYS
WITH THE ABILITY TO USE PROPER GRAMMAR IN BAHASA
MALAYSIA AMONG FORM FOUR STUDENTS.

ABSTRACT

This study is carried out to see the relationship between the ability to write essay with the ability to use proper grammar in Bahasa Malaysia. It also proposes to identify the errors committed by the students, especially among native speakers. This study also looks into the ability of students in using proper grammar when writing an essay.

450 essay samples of bahasa Malaysia and 150 sets of grammar test were analysed in this study. Form four pupils who are native speakers of bahasa Melayu completed the grammar test. They were chosen from 5 schools in Muar, Johor Darul Takzim. Each student was required to take a grammar test and later, wrote an essay for Essay Test A, Essay Test B and Essay Test C. Selected essays were analysed according to 9 types of errors in grammar and 9 types of sentence structure. The marking scheme was based on the scheme set globally and on analytical scales. The study was carried out among students with High Achievement Level and those with Lower Achievement Level.

The statistical package for the social sciences (SPSS PC+) was used to analyse the data. The data gathered was analysed using the t test and Pearson product-moment correlation coefficients. The result of this research shows that the pupils ability in using proper or correct grammar in Bahasa Malaysia to write

an essay is moderate. For grammatical analysed errors involving affixes and suffixes (P1) are especially high. This study proves that error in construction of sentence (A2) is high too. It also proves that Students with lower achievement level perform poorly compared to those with high achievement level.

This study also proves that achievement in essay writing is only at a moderate level, whereby students with lower achievement level performed at an "acceptable stage" while those with high achievement level performed at a moderate stage. It also proves that there is a significant positive relationship between the students ability to use correct grammar and the overall score of the essay. The correlation is significant for grammatical errors committed by students of lower achievement level in writing essays and in the grammatical test.

As a conclusion, based on the information gathered, it is clear that Malay students still face difficulty in writing essays. The weakness in the bahasa Malaysia grammar also affects their ability to write good essays. The results of this study will enable Bahasa Malaysia teachers to reconstruct their lessons in order to help students improve in their grammar and essay writing performance.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) merupakan satu lagi titik perubahan dalam kurikulum pendidikan negara. Perubahan ini adalah sejajar dengan matlamat pendidikan negara yang tercatat dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN: 1990:20) yang berbunyi:

"Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia berilmu pengetahuan, berakhlak mulia bertanggungjawab dan berkeupayaan bagi mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap kerohanian, kemakmuran masyarakat dan negara"

Pernyataan Falsafah Pendidikan Negara ini adalah untuk membentuk insan pelajar yang baik (PPK: 1990: 8) dengan ciri kepercayaan kepada Tuhan, berfikiran kreatif dan rasional, berakhlak mulia, berkeupayaan memberi sumbangan ke arah kemakmuran masyarakat dan negara, setia kepada negara, bertanggungjawab dan memupuk perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Bagi merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara ini bukan sahaja tanggungjawab warga pendidik malah segenap lapisan masyarakat.

Bagi membentuk masyarakat bermaklumat, usaha-usaha meningkatkan kualiti, kecekapan dan kemahiran berkomunikasi perlu dikembangkan dan dimantapkan di peringkat sekolah. Menyedari hal tersebut, kecekapan berbahasa akan terus dipupuk dan ditingkatkan terutama kecekapan mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Pelajar diharapkan akan lebih peka juga terhadap variasi bahasa, laras dan gaya bahasa yang meyakinkan dalam pelbagai suasana. Berdasarkan hakikat inilah, peranan guru dalam pengajaran bahasa amat penting untuk meningkatkan kecekapan berbahasa dan seterusnya mencapai ketrampilan berbahasa di kalangan pelajar (PPK, 1989).

Bahasa merupakan satu wahana perhubungan dan komunikasi penting antara manusia yang menjadi penuturnya (Nathesan, 1993). Fungsi bahasa pula sebagai alat memproses maklumat, pengaliran fikiran dan perasaan, memainkan peranan yang penting untuk membolehkan manusia berkomunikasi sama ada secara lisan atau tulisan. Usaha memartabatkan bahasa Melayu akan ditingkatkan sejajar dengan perkembangannya di peringkat global. Bahasa Melayu kini dituturkan oleh 148 juta orang dan berada di tangga kesembilan ramai penggunaanya (Berita Harian, 1996).

Sejarah perkembangan memartabatkan bahasa Malaysia dalam bidang pendidikan memperlihatkan senario yang menarik. Semenjak sebelum merdeka iaitu pada tahun 1955, bahasa Melayu telah dijadikan mata pelajaran wajib dalam empat aliran persekolahan termasuk aliran Cina, Tamil dan Inggeris. Laporan Razak 1956, telah meningkatkan martabat bahasa Melayu dengan menjadikannya sebagai bahasa pengantar utama bagi semua jenis sekolah secara berperingkat-peringkat. Bahasa Melayu seterusnya menjadi satu mata pelajaran wajib di semua sekolah bantuan kerajaan dengan pelaksanaan Ordinan Pelajaran 1957. Pada tahun 1958, bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar di beberapa buah sekolah menengah rendah dan seterusnya ke peringkat sekolah menengah atas sebagai kesinambungan daripada sekolah rendah yang berpengantar bahasa Melayu.

Selepas negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, penggunaan bahasa Melayu terus berkembang dengan pesat. Tahun 1960 merupakan satu detik baru apabila peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dilaksanakan dalam bahasa Melayu. Laporan Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961 adalah penggerak kepada kemantapan bahasa Melayu dalam bidang pendidikan.

Penukaran nama bahasa Melayu kepada bahasa Malaysia dilaksanakan pada tahun 1969 supaya bahasa itu menjadi milik semua rakyat Malaysia. Sekitar tahun 1970, 1973 dan 1975, proses penukaran bahasa pengantar kepada bahasa Malaysia dilaksanakan secara berperingkat-peringkat yang dimulakan daripada sekolah rendah jenis kebangsaan, sekolah menengah rendah dan seterusnya sekolah menengah atas jenis kebangsaan Inggeris. Penukaran bahasa pengantar di tingkatan enam bermula pada tahun 1979 dan pada tahun 1983 bermulanya proses penukaran bahasa pengantar di institusi pengajian tinggi tempatan.

Kepentingan kecekapan berbahasa telah diberikan tumpuan dalam kurikulum baru sama ada di peringkat sekolah rendah ataupun di peringkat sekolah menengah. Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan kemudiannya ditukar kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) telah mula dilaksanakan pada tahun 1982 di beberapa buah sekolah. Mulai tahun 1983, KBSR telah dilaksanakan di semua sekolah rendah secara berperingkat-peringkat sehingga pelaksanaan sepenuhnya dicapai pada tahun 1988. Seterusnya Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pula diperkenalkan pada tahun 1989 sebagai kesinambungan sistem pendidikan daripada KBSR.

KBSR telah dirancang untuk membolehkan murid-murid mencapai kemahiran dalam tiga bidang asas iaitu komunikasi, manusia dengan alam sekelilingnya dan perkembangan diri individu. Komunikasi merupakan keperluan hidup asasi. Perhubungan antara manusia memerlukan perantara bahasa dan melibatkan aktiviti mengira. Oleh yang demikian bidang ini ditumpukan kepada komponen kemahiran asas yang menitikberatkan kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M).

Kemahiran ini meliputi pertuturan, pembacaan untuk kefahaman, penulisan berasaskan pengetahuan dan pengalaman serta kemahiran pengiraan melibatkan operasi asas matematik iaitu tambah, kurang, darab dan bahagi (Mok, 1992). Bidang manusia dan alam sekeliling pula berasaskan pengalaman asas hidup dari alam sekeliling atau persekitarannya manakala bidang perkembangan diri individu meliputi aspek intelek, rohani, emosi, bakat, moral, nilai estetika dan sosial (PPK, 1987).

Kemahiran bahasa peringkat sekolah rendah terus diperkembangkan ke peringkat sekolah menengah dalam KBSM. Di peringkat KBSM tumpuan dalam mata pelajaran bahasa Malaysia akan ditumpukan kepada kecekapan berbahasa dan ketepatan berkomunikasi. Ini sejajar dengan tujuan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang fasih dan lancar dalam pertuturan, cekap, kritis dan analitis dalam pembacaan serta kreatif dalam penulisan.

Pelajar akan dipupuk dengan kecekapan terhadap sistem bahasa Malaysia dan gaya bahasa yang indah, kesedaran terhadap bahasa Malaysia dalam pelbagai situasi serta kefahaman unsur dan nilai-nilai kemanusiaan yang menyeluruh. Dengan ini mata pelajaran bahasa Malaysia dapat memenuhi fungsinya sebagai bahasa perpaduan rakyat, bahasa ilmu pengetahuan, bahasa perhubungan utama dan bahasa pencermin akal dan budi rakyat (Kamarudin & Siti Hajar, 1997; Kamarudin, 1989).

Sejajar dengan ini, matlamat pendidikan bahasa Malaysia di peringkat sekolah menengah digubal untuk mencapai tujuan meningkatkan penguasaan kecekapan berbahasa di kalangan pelajar. Para pelajar diharapkan akan dapat berkomunikasi dengan berkesan bagi melahirkan fikiran dan perasaan tentang ilmu pengetahuan, hal-hal persendirian dan kemasyarakatan dalam konteks rasmi, tidak rasmi dan kreatif melalui lisan dan penulisan (PPK, 1989).

Peringkat menengah atas iaitu tingkatan empat dan lima, kecekapan dalam kemahiran menulis adalah untuk mencapai ketrampilan berbahasa agar pelajar boleh berbicara, berpidato, menilai dan mengulas dengan kritis. Pelajar juga harus dapat menghasilkan penulisan kreatif yang berbentuk keperihaln, fakta, imaginasi dan perbincangan yang

panjangnya tidak kurang daripada 300 patah perkataan dengan bahan yang mencabar dan aras bahasa yang tinggi (PPK, 1989).

Sukatan pelajaran bahasa Malaysia bagi peringkat sekolah menengah atas (tingkatan empat) menetapkan supaya pelajar-pelajar dapat menguasai kecekapan berbahasa dalam kemahiran menulis seperti berikut:

- a) Membuat karangan daripada lakaran dan catatan dengan menggunakan kata, frasa dan ayat yang betul.
- b) Memerengankan karangan mengikut urutan isi dan gaya yang betul.
- c) Membina ayat yang betul, tepat, gramatis dan indah dalam pelbagai kegiatan berbahasa.
- d) Membina pelbagai ayat iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan dalam konteks.
- e) Membina pelbagai jenis ayat majmuk.
- f) Membina ayat-ayat dalam perenggan untuk mengembangkan fakta dan isi bagi menghasilkan karangan.

- g) Menulis surat rasmi seperti surat permohonan, jemputan, aduan, perjanjian dan surat akuan.
- h) Menulis surat kiriman tidak rasmi.
- i) Menulis pengumuman, berita, laporan, teks ucapan, minit mesyuarat, ceramah, menulis dialog, wawancara dan skrip drama.
- j) Menghasilkan karangan yang bertajuk peribahasa dan cogankata.
- k) Menghasilkan ulasan, kritikan terhadap tajuk, pernyataan isu semasa, cerpen dan novel.
- l) Menghasilkan karya puisi seperti pantun, syair dan sajak.

Pengenalan dan pelaksanaan KBSM telah membawa perubahan yang besar terhadap corak pengajaran dan pembelajaran bahasa Malaysia termasuk dalam kemahiran menulis karangan. Kemahiran menulis merupakan kegiatan inti dalam menilai, menghurai, dan menterjemah ilmu pengetahuan yang terdapat dalam pelbagai bidang (Kamarudin dan Siti Hajar, 1997).

Sehubungan dengan itu peranan guru bahasa Malaysia dalam bilik darjah tidak lagi menyampaikan pengetahuan seperti biasa diamalkan dalam kurikulum lama tetapi sebagai perancang, pembimbing dan pemudah cara. Dengan hal yang demikian, pengajaran dan pembelajaran bahasa

berfokus atau berpusat pada pelajar-pelajar (Abd. Rashid, 1993). Pengajaran dan pembelajaran bahasa yang berpusatkan pelajar adalah corak pengajaran bahasa yang memberi peluang seluas-luasnya dalam semua kemahiran berbahasa. Empat kemahiran tersebut ialah mendengar dan bertutur, membaca, menulis dan menguasai tatabahasa (PPK, 1990).

Kemahiran tatabahasa dianggap sebagai 'central role' (Long dan Richard, 1987) atau sebagai urat nadi (Koh, 1994), sesuatu bahasa yang membolehkan bahasa berkenaan berfungsi sebagai alat komunikasi yang efektif. Oleh yang demikian, setiap kemahiran berbahasa mempunyai perkaitan yang rapat dengan kemahiran tatabahasa sesuatu bahasa (Nunan, 1996). Kemampuan atau kecekapan seseorang pelajar menguasai kemahiran berbahasa akan lebih mudah dan berkesan sekiranya pengetahuan peraturan penggunaan bahasa itu dikuasai dan dipraktikkan dalam pelbagai aktiviti berbahasa. Namun begitu, penghafalan peraturan berbahasa sahaja tidak menjamin komunikasi yang berkesan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Pemakaian bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar telah menjadi satu kenyataan semenjak Penyata Razak (1956) dilaksanakan. Pelaksanaannya secara beransur-ansur selama satu dekad, telah dapat meningkatkan martabat dan taraf bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu dan bahasa komunikasi moden (Abdullah Hassan, 1989c). Kini selama hampir tiga dekad bahasa Malaysia dijadikan bahasa penghantar di sekolah, peranan bahasa Malaysia semakin luas (Asmah, 1992). Kewibawaan bahasa Malaysia dalam arena pendidikan telah dimantapkan lagi oleh Akta Pendidikan 1996 yang memberi fokus kepada ilmu sebagai penentu arah tujuan negara kesan daripada perkembangan pesat sains, teknologi dan maklumat.

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Malaysia telah diwajibkan kepada semua pelajar. Peranan untuk meningkatkan penguasaan dan kecekapan berbahasa bukan sahaja tanggung jawab guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Malaysia, tetapi adalah menjadi tanggung jawab semua guru di sekolah selaras dengan strategi bahasa Malaysia merentas kurikulum (Ahmad, 1992). Namun strategi ini tidak memenuhi hasrat pengajaran dan pembelajaran di kalangan pelajar dan guru (Siti Hawa, 1996).

Penulisan karangan merupakan satu aspek penting sebagai perakam bahasa yang melibatkan fikiran, pengetahuan, teknik, gaya dan pencermin kebolehan menggunakan tatabahasa yang betul. Namun begitu, kelemahan bahasa telah menjejaskan prestasi pelajar dalam kemahiran menulis karangan dan seterusnya menyebabkan pelajar gagal mendapat kepujian dalam mata pelajaran bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

Pencapaian dan penguasaan kecekapan berbahasa di kalangan pelajar dalam kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, menulis dan tatabahasa perlu dilatih dan diuji supaya kemahiran bahasa pelajar sentiasa berada di tahap yang tinggi. Di peringkat menengah atas khususnya di tingkatan empat, kecekapan penggunaan bahasa dan tatabahasa masih kurang memuaskan (Awang, 1990; Awang Sariyan, 1989; Ajid, 1989 dan Rosli Talif dan Edwin, 1989).

Penumpuan kecekapan penggunaan bahasa merangkumi semua kemahiran berbahasa, dan tatabahasa yang berfungsi sebagai pusat hukum (central role) bahasa adalah dua bidang yang sangat berkaitan. Kecekapan para pelajar dalam penggunaan tatabahasa yang betul dalam semua kemahiran berbahasa sentiasa menjadi agenda utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Malaysia. Kecekapan dan penggunaan tatabahasa dalam kemahiran menulis karangan di kalangan pelajar merupakan salah satu ukuran menilai pengetahuan dan kemampuan berbahasa di kalangan pelajar.

Sejajar dengan peranan tradisional kemahiran menulis sebagai alat pengukur utama pencapaian seseorang pelajar, kemahiran ini perlu dikuasai sepenuhnya daripada kemahiran peringkat mekanis sehinggalah kemahiran menulis peringkat yang tertinggi iaitu peringkat pengalihan idea. Peperiksaan bertulis bertindak sebagai medium penting dalam menentukan pencapaian pelajar. Oleh itu kemahiran menulis karangan juga banyak mempengaruhi perubahan sikap di kalangan pelajar (Mohd Noor, 1987). Kemahiran menulis karangan boleh dijadikan landasan kepada kecekapan menulis yang lebih tinggi.

Kemahiran menulis karangan adalah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh para pelajar untuk memungkinkannya berkomunikasi dengan berkesan, sama ada dalam bilik darjah atau persekitaran masyarakat secara formal atau tidak formal (White, 1989). Menurut Keraf (1981), Penulisan karangan merupakan satu kegiatan yang berbentuk sintaksis dengan mempergunakan pengetahuan dasar kebahasaan ditambah beberapa komponen berupa kemampuan penalaran dan pengetahuan yang baik tentang objek garapnya. Di samping itu komponen isi kandungan dan fakta, penggunaan bahasa, gaya (keragaman ayat, diksi dan bahasa kiasan), organisasi atau pengolahan dan keseluruhan memberikan kesan kepada umum.

Raimes (1983), menyatakan bahawa para pelajar berkomunikasi bukan sahaja secara lisan tetapi kerap juga secara tulisan. Keperluan ini bukan sahaja untuk memenuhi sukatan pelajaran, tetapi yang lebih penting, melalui kemahiran menulis dapat membantu para pelajar dalam aspek yang berikut:

- a) Mengarang dapat meneguhkan penggunaan tatabahasa, idea, penggunaan perbendaharaan kata dan perasaan.
- b) Mengarang akan memberi peluang kepada pelajar menjelajah atau meneroka lebih jauh daripada apa yang telah diajar oleh guru dengan menggunakan pengetahuan bahasa. Di samping itu juga pelajar mencuba penggunaan bahasa tersebut (percubaan penggunaan bahasa yang betul, walaupun dalam percubaan ini pelajar melakukan kesalahan).

c) Keperluan bagi para pelajar memperluaskan pengetahuan supaya dapat menjelaskan idea, meningkatkan kecekapan koordinasi mata, tangan dan pemikiran. Ini semua supaya dapat memenuhi kehendak dan hasrat masyarakat moden bagi kepentingan diri sendiri dan orang ramai.

Kemahiran menulis termasuk penulisan karangan adalah wadah untuk para pelajar meningkatkan kecekapan penggunaan tatabahasa yang tinggi. Sebaliknya hasil daripada penulisan karangan, akan tergambar proses pemikiran pelajar dan kebolehan, kecekapan penggunaan tatabahasa yang digunakan (Arapoff, 1975). Menurutnya lagi kemahiran penulisan karangan dapat dibahagikan kepada dua aspek seperti berikut:

- a) Pelajar perlu memikirkan tentang fakta, memilih fakta yang sesuai, menyusun fakta dengan jelas dan logik melalui proses berfikir.
- b) Pelajar perlu menggunakan kemahiran dan kemahiran ini perlu dipelajari. Oleh itu objektif kemahiran menulis ialah membantu para pelajar menguasai sub kemahiran tatabahasa di samping subkemahiran yang lain kerana ia menjadi pemangkin kepada pembelajaran menulis yang baik.

Kemahiran menulis karangan merupakan proses yang menyatukan kedua-dua kemahiran iaitu pemilihan fakta, penyusunan fakta dan kecekapan penggunaan tatabahasa. Penyepaduan kedua-dua kemahiran akan mempengaruhi keberkesanan komunikasi dalam tulisan. Oleh itu para pelajar perlu mempunyai pengetahuan yang mantap untuk menguasai mekanisme mengarang.

Kemahiran menulis karangan merupakan proses untuk menyampaikan buah fikiran, idea, pendapat dengan tepat dan berkesan kepada khalayak atau pembaca dengan menggunakan medium tulisan. Kemahiran menulis karangan melibatkan lebih daripada menulis ayat-ayat sahaja. Kemahiran ini juga memerlukan ketelitian pelajar memilih perbendaharaan kata yang tepat dan berkesan, urutan ayat-ayat yang berkaitan dan teratur mengikut sistem tatabahasanya dan ejaan yang betul. Hal ini bertujuan agar karangan yang dihasilkan tidak mengelirukan pembaca, jelas dan persis (Juriah, 1990 & Slobin, 1978).

Raimes (1983) dan White (1987), menjelaskan bahawa pembelajaran menulis bukan sesuatu yang semula jadi seperti kemahiran bertutur. Sebahagian besar masyarakat mempelajari kemahiran menulis di sekolah, berbeza daripada kemahiran bertutur yang dikuasai dan diperolehi daripada ibu bapa. Oleh itu kemahiran menulis termasuk menulis karangan adalah kemahiran yang sukar dan hanya dikuasai melalui pengajaran dan pembelajaran (Juriah, Raminah dan Sofiah, 1992).

Menurut Aoust (1991), kesukaran ini timbul kerana seorang penulis, perlu menjana idea dan mengedit karangan dalam masa yang sama dan ini hampir mustahil untuk dilakukan oleh pelajar. Menurut Ferris (1995), oleh sebab pelajar tidak sepanjang masa bersama guru dalam proses penulisan karangan, maka perlulah pelajar diajar cara mengedit yang berkesan. Ini untuk membolehkan para pelajar membetulkan penggunaan tatabahasa, leksikal dan mekanik penulisan karangan.

Para pelajar di peringkat tingkatan empat, tidak terkecuali daripada menghadapi masalah dalam kemahiran menulis karangan. Tahap kecekapan penggunaan bahasa dan tatabahasa yang rendah akan menyukarkan lagi penguasaan kemahiran menulis karangan. Oleh itu pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah menengah, sewajarnya bermatlamatkan untuk melahirkan pelajar yang berkemampuan menyampaikan fikiran dan berkomunikasi secara berkesan dengan anggota masyarakat. Walaupun kemahiran menulis karangan ini penting bagi memenuhi kehendak kehidupan moden, corak pengajaran pembelajaran yang disediakan di sekolah menengah kini, tidak menuju ke arah pencapaian matlamat tersebut (Marohaini, 1989).

Menurut Marohaini (1989), tumpuan utama dalam penghasilan sebuah karangan ialah pada isi atau fakta. Aspek penggunaan bahasa yang baik serta teknik mengarang yang berkesan kurang diberi tumpuan. Selain daripada itu, keperluan berfikir untuk mendapatkan isi lebih ditumpukan daripada pengajaran berfikir untuk menghasilkan cara yang berkesan untuk menyampaikan sesuatu mesej atau idea. Menurut Valdes, Haro dan Echavarriorzo (1990), fokus pengajaran penulisan karangan harus juga ditumpukan kepada penggunaan tatabahasa yang betul di samping gaya penulisan yang asli. Kebolehan pelajar dalam penguasaan semua komponen iaitu isi, organisasi, penggunaan tatabahasa, gaya dan mekanik penulisan dalam proses menulis perlu diseimbangkan.

Menurut Raimes (1983), seorang pelajar bukan sahaja mencuba untuk menyatakan idea-idea baru tetapi juga menitikberatkan bagaimana idea itu dapat

dijelaskan. Oleh itu perkara yang perlu diberi perhatian termasuklah, mendapatkan

perkataan yang betul (right word) dan ayat yang betul (right sentence). Proses ini mempunyai hubungan antara menulis dan berfikir untuk menghasilkan penulisan yang berkesan. Peranan guru ialah mengimbangi pengajarannya pada kedua-dua aspek iaitu isi dan bahasa. Pengajaran bahasa Malaysia memerlukan guru yang inovatif dan mampu merangsang pemikiran pelajar di samping memberi peluang kepada perkembangan pemikiran menurut teori penulisan sebenar.

Kesan daripada pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang lebih memberi tumpuan kepada penjanaan idea untuk mendapatkan isi dan fakta telah menyebabkan kecekapan penggunaan tatabahasa di kalangan pelajar masih belum dapat dibanggakan. Hal ini dapat kita perhatikan daripada kesalah-kesalahan tatabahasa dalam karangan yang dihasilkan seperti yang dikaji oleh Dekayser (1995), Awang (1990), Keh (1990), Hughes dan Heah (1990), Kamarudin (1986) dan Raminah (1983).

Tahap kecekapan penggunaan tatabahasa di kalangan pelajar turut menarik perhatian beberapa pengkaji. Keh (1990), menyatakan kesilapan yang sering dilakukan oleh para pelajar dalam kemahiran menulis karangan ialah pemilihan perbendaharaan kata yang tidak tepat (diction), kesalahan ejaan dan kesalahan tanda baca. Kesalahan tatabahasa termasuk juga bidang morfologi dan sintaksis. Kesalahan ini menjadi penghalang kepada pembaca untuk memahami maksud yang ingin disampaikan.

Zamel (1983), dalam artikelnya 'Teaching those missing link in writing' menjelaskan bahawa, dalam kemahiran menulis para pelajar perlu mengenalpasti dan menggunakan keseluruhan kaedah untuk menghubungkan isi atau fakta dengan

penggunaan ayat yang gramatis mengikut peraturan tatabahasa. Hubungan antara satu fakta dengan fakta yang lain perlu dijalin dengan ayat-ayat yang dapat menggambarkan perkaitan antara fakta. Hubungan yang berangkai atau bertali ini merupakan 'harta' yang penting sebagai penentu kualiti sesuatu hasil penulisan kerana tanpanya idea yang disampaikan tidak bermakna.

Graves dalam Varble (1990) dan Hughes dan Heah (1990), menjelaskan bahawa, kemahiran menulis sangat berkait rapat dengan bidang bahasa dan tatabahasa. Tahap kemampuan penggunaan tatabahasa yang rendah menyebabkan pelajar sering melakukan kesalahan dalam penulisan. Antara kesalahan yang sering dilakukan ialah, pilihan perbendaharaan kata yang tidak tepat, kesalahan ejaan, tanda baca, kesalahan ayat untuk menyampaikan isi karangan, kesalahan makna dan gaya penulisan.

Kecekapan bahasa bermaksud kebolehan atau kemampuan pelajar menggunakan tatabahasa yang betul. Menurut Hymes (1970) disebut dalam Abdul Aziz (1993), bahawa kecekapan merangkumi konsep pengetahuan dan kebolehan tentang tatabahasa seorang penutur jati. Tahap kecekapan penggunaan tatabahasa ini pula akan menentukan kualiti karangan dan seterusnya pencapaian keseluruhan karangnya yang dinilai dalam peperiksaan. Pencapaian para pelajar dalam karangan ini memberi implikasi kepada pengajaran guru bahawa perlunya guru membuat refleksi pengajaran yang telah dilaksanakan sebelum ini.

Kecekapan dan kemampuan para pelajar menggunakan tatabahasa dapat dianalisis dengan menggunakan analisis kesalahan (Sharma 1981). Corder (1981),

menjelaskan bahawa fungsi analisis kesalahan adalah supaya guru dapat menilai dan membuat perhitungan tentang teknik pengajarannya selama ini. Di samping itu untuk mengetahui kelemahan bahasa dengan kajian yang lebih sistematik.

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis karangan, berkait rapat dengan kecekapan atau kemampuan pelajar menggunakan bahasa dan tatabahasa yang betul. Menurut Marohaini (1989), bahawa daripada pemerhatian dan pengalaman beliau, didapati amalan guru lebih menitikberatkan penghasilan isi dan fakta dalam penulisan karangan. Penggunaan bahasa yang baik dan teknik mengarang yang berkesan, kurang diberi tumpuan. Para pelajar tidak diajar cara yang berkesan untuk menyampaikan sesuatu mesej. Hal ini menjadikan hasil karangan yang kaku dan menyebabkan pelajar kluatir apabila hendak menulis atau mengarang atau mengemukakan pendapat. Maklumat yang ada pada pelajar, seolah-olah kemahiran mengarang itu sesuatu yang jauh daripada pengalaman mereka tiap-tiap hari (Ishak, 1979).

Lalande (1982), menjelaskan bahawa para pelajar sering mengulangi kesalahan bahasa yang sama dan ini mengecewakan guru dan pelajar itu sendiri. Pelajar ini mengulangi kesalahan yang sama, walaupun kesalahan yang mereka lakukan itu telah dipelajari peraturan tatabahasanya. Ini bererti tahap kecekapan

penggunaan tatabahasa yang masih rendah. Oleh itu, guru perlu menggunakan strategi pengajaran dan pembelajaran karangan yang dapat meningkatkan kecekapan penggunaan tatabahasa dan komponen lain dalam penulisan karangan.

Menurut Koh Boh Boon (1980), kelemahan dalam penulisan karangan disebabkan guru masih menggunakan pendekatan konvensional. Semasa menggunakan pendekatan ini, guru akan mengemukakan satu tajuk karangan, membincangkan isi-isi penting dan para pelajar menulis berdasarkan tajuk tersebut. Pendekatan ini bukan sahaja tidak menggalakkan hasil penulisan yang baik, kerana guru tidak memberi rangsangan yang sesuai untuk mencetuskan pemikiran dan menggerakkan minat menulis, malah aspek tatabahasa yang betul kurang dipandu. Kegagalan ini juga berkaitan dengan guru bahasa yang mengamalkan kaedah tradisi (Sundralingam, 1989).

1.3 Pernyataan Masalah

Kecekapan pelajar dalam penggunaan tatabahasa (perkataan dan ayat) adalah satu perkara yang penting dalam kemahiran berbahasa. Kemahiran menulis karangan merupakan subkemahiran berbahasa tidak terkecuali daripada menguasai kecekapan tersebut. Tatabahasa adalah asas utama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa dan perkembangan kemahiran berbahasa tidak dapat dilakukan tanpanya (Nunan, 1996). Kecekapan ini dapat diukur dari segi prestasi pelajar menggunakan tatabahasa dalam kemahiran menulis karangan. Walaupun kemahiran tatabahasa adalah aspek yang sewajarnya diutamakan dalam penulisan karangan selaras dengan objektif pengajaran dan penilaian bahasa itu sendiri, namun aspek ini kurang ditumpukan oleh guru, dengan andaian para pelajar telah menguasainya (Marohaini, 1989 dan Azman Wan

Chik, 1994). Guru dan pelajar pula terjerumus dalam masalah kekangan masa dan penekanan kepada penulisan mengabaikan keperluan teori penulisan itu sendiri (Sulaiman, 1993).

Masalah yang sering dikaitkan dengan pengajaran karangan ialah ketidakmampuan pelajar menguasai tatabahasa dengan baik. Pencapaian pelajar dalam kemahiran menulis karangan masih kurang memberangsangkan kerana kurang menepati kehendaknya oleh kerana beberapa kelemahan bahasa (Abdul Aziz, 1993). Daripada laporan prestasi keseluruhan kertas karangan, bagi tahun 1992, 1993, 1994 dan 1995 dari segi pencapaian mengikut kriteria pemarkahan peringkat SPM dapat dijelaskan seperti berikut:

Pelajar yang berprestasi tinggi ialah pelajar yang dapat memahami tajuk dan memberi tumpuan kepada tugas soalan. Isi karangan bukan sahaja matang malah dapat dikembangkan dengan bernas berserta contoh-contoh yang tepat. Bahasa yang digunakan memuaskan dan lancar. Kosa kata pelajar juga luas. Pengolahan karangan menarik dan berkesan. Melihat kepada mutu karangan yang dikemukakan, jelas menunjukkan bahawa pelajar merancang karangannya terlebih dahulu sebelum menulis.

Pelajar yang berprestasi rendah ialah pelajar yang tidak langsung membuat perancangan terlebih dahulu sebelum menulis karangan. Isi karangan tidak tersusun, malah tidak dapat membezakan isi yang sesuai dengan isi yang tidak sesuai. Huraian karangan pula cetek dan meleret-leret. Pengolahan karangan tidak menarik dan membosankan. Pelajar juga tidak dapat menguasai bahasa dengan baik menyebabkan isi yang hendak dikemukakan kabur dan tidak difahami. Terdapat karangan yang mempunyai isi yang baik tetapi disebabkan penguasaan

dan kecekapan penggunaan bahasa dan tatabahasa yang rendah, karangan menjadi kabur.

Terdapat juga pelajar yang tidak tahu menggunakan tanda baca terutamanya noktah dan koma. Kesalahan penggunaan ayat kerap yang dilakukan di kalangan pelajar merangkumi penggunaan ayat yang tergantung, kata penghubung di pangkal ayat, satu perenggan satu ayat yang dihubungkan dengan beberapa koma, kesalahan imbuhan dan pembentukan kata serta penggunaan ayat yang meleret-leret. Terdapat juga karangan yang hanya ditulis kurang daripada 200 patah perkataan. Karangan begini tentu sekali menjejaskan pengolahaan dan pengembangan isi.

Daripada pernyataan di atas, menunjukkan bahawa kecekapan dan kemampuan bahasa dan tatabahasa pelajar-pelajar peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) masih lagi tidak memuaskan. Ini akan memberi kesan kepada pencapaian pelajar dalam mata pelajaran bahasa Malaysia secara keseluruhannya. Analisa keputusan mata pelajaran bahasa Malaysia peringkat Sijil Pelajaran Malaysia bagi Daerah Muar telah menunjukkan kemerosotan bagi tahun 1995 daripada tahun 1994 sebanyak 5.09%. Hal ini dijelaskan dalam jadual 1.1 .

Jadual 1.1

Analisa Keputusan Peperiksaan SPM 1994 dan 1995
Bagi Mata Pelajaran Bahasa Malaysia Daerah Muar

Kod Mata pelajaran	Peratus kelulusan		Beza
	1994	1995	
1103 Bahasa Malaysia	90.21	85.12	-5.09

Sumber: Pejabat Pendidikan Daerah Muar: 1995

Walaupun kemerosotan ini berlaku dengan kadar yang kecil, namun sekiranya usaha yang bersungguh-sungguh tidak dilaksanakan, kemerosotan yang sama akan berulang. Oleh itu satu tindakan bersama perlu digembleng di kalangan pelajar dan guru bahasa Malaysia untuk meningkatkan tahap kecekapan penggunaan tatabahasa yang betul dalam semua aktiviti kemahiran berbahasa .

Kesimpulannya, daripada pernyataan masalah yang telah dibincangkan, didapati kecekapan atau kemampuan penggunaan tatabahasa merupakan elemen yang penting dalam sebuah karangan. Kecekapan penggunaan tatabahasa akan mempengaruhi kualiti karangan. Kedua-dua kemahiran ini mempunyai perkaitan yang rapat. Oleh yang demikian, kajian ini akan meninjau sejauh mana tahap kecekapan penggunaan tatabahasa dalam kemahiran menulis karangan di kalangan pelajar.

1.4 Matlamat Dan Tujuan Kajian

Matlamat utama kajian ini ialah untuk mengetahui tahap kecekapan penggunaan tatabahasa bahasa Malaysia dalam kemahiran menulis karangan di kalangan pelajar penutur natif bahasa Melayu tingkatan empat. Di samping itu kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti masalah tatabahasa aspek perkataan dan ayat yang utama. Kecekapan penggunaan tatabahasa akan dinilai berdasarkan pencapaian penggunaan tatabahasa dalam karangan dan kekerapan kesalahan tatabahasa.

Pencapaian aspek tatabahasa dalam karangan juga akan ditinjau pertaliannya dengan pencapaian ujian tatabahasa dan pencapaian karangan keseluruhan. Pertalian antara kekerapan kesalahan tatabahasa dalam kemahiran menulis karangan dan dalam ujian tatabahasa turut ditinjau. Penyelidikan ini akan dilaksanakan di kalangan pelajar kumpulan kategori pencapaian tinggi dan kategori pencapaian rendah .

Bagi mencapai matlamat di atas, pengkaji telah mengariskan tujuan penyelidikan seperti berikut:

1. Mengetahui dan membandingkan kecekapan penggunaan tatabahasa dalam kemahiran menulis karangan di kalangan pelajar kumpulan kategori pencapaian tinggi (KPT) dan kategori pencapaian rendah (KPR).
2. Mengetahui jenis-jenis kesalahan penggunaan tatabahasa kekerapannya dalam kemahiran menulis karangan di kalangan pelajar kumpulan KPT dan KPR.

3. Mengenal pasti pencapaian kemahiran menulis karangan di kalangan pelajar KPT dan KPR.
4. Mengenal pasti pertalian antara kecekapan penggunaan tatabahasa dalam kemahiran menulis karangan dengan pencapaian ujian tatabahasa di kalangan pelajar kumpulan KPT dan KPR.
5. Mengenal pasti pertalian antara kekerapan kesalahan tatabahasa dalam kemahiran menulis karangan dengan kekerapan kesalahan tatabahasa dalam ujian tatabahasa di kalangan pelajar kumpulan KPT dan KPR.
6. Mengenal pasti pertalian antara kecekapan penggunaan tatabahasa dengan pencapaian karangan dan pencapaian karangan keseluruhan dalam kemahiran menulis karangan.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan matlamat dan tujuan kajian yang telah dinyatakan, kajian ini cuba mencari jawapan bagi soalan-soalan kajian yang berikut:

1. Sejauh manakah kecekapan penggunaan tatabahasa dalam kemahiran menulis karangan di kalangan pelajar kumpulan KPT dan KPR?
2. Apakah jenis-jenis kesalahan penggunaan tatabahasa dan kekerapannya dalam kemahiran menulis karangan di kalangan pelajar kumpulan KPT dan KPR?